

SYARAT-SYARAT MEMBUAT TENDER/SEBUTHARGA

1. Keseluruhan Perkhidmatan/Kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Tender/Sebutharga yang ditunjukkan di atas Meja Tender (kemudian dari ini disebut "Dokumen Meja Tender") akan diberi secara Kontrak.
2.
 - (a) Tiap-tiap pentender/penyebutharga mestilah menyerahkan, dalam suatu sampul surat bertutup dan bermeterai yang dialamatkan sebagaimana ditetapkan dalam Notis Tender/Sebutharga, suatu tender/sebuthrga yang sah dalam Borang Tender/Sebutharga yang diperuntukkan, bersama Syarat-Syarat Perjanjian, Skop Kerja/Spesifikasi Teknikal/Keperluan Operasi/Lukisan dan lain-lain (jika ada diberikan) dengan sempurnanya dan Ringkasan Tawaran Keseluruhan yang diisi dan ditandatangani dengan sempurnanya. Borang Tender/Sebutharga yang tak lengkap atau tak bertandatangan akan ditolak.
 - (b) Tiap-tiap pentender/penyebutharga mestilah mencatatkan, dalam ruang yang diperuntukkan dalam Borang Tender/Sebutharga, masa yang akan dikehendakinya bagi menyiapkan Perkhidmatan/Kerja itu.
 - (c) Pentender/Penyebutharga hendaklah dimana sahaja dikehendaki dalam Dokumen Tender/Sebutharga, meletakkan harga dalam Jadual Kadar Harga yang hendaklah diisi dengan dakwat dan ditandatangani dengan sempurnanya oleh pentender/penyebutharga. Sebelum kontrak ditandatangani, Jadual Kadar Harga hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh UiTM tentang kemunasabahannya dan harga di Ringkasan Tawaran Keseluruhan hendaklah diselaraskan agar menyamai peratusan yang ditetapkan oleh UiTM dan dipersetujui diperingkat tender/sebutharga.
3. Jika mana-mana pentender/penyebutharga:
 - (a) menarik balik tender/sebutharganya sebelum tamat Tempoh Sah Tender/Sebutharga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
 - (b) mengenakan had, syarat atau janjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tender/sebutharga (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik tender ini), atau
 - (c) telah disetujuterima tender/sebutharga, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan (jika pentender/penyebutharga memilih kaedah Jaminan Bank/Bank Islam/BPIMB/Insurans/Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) atau tidak meneruskan Perkhidmatan/Kerja;

- maka, dalam mana-mana hal itu, UiTM hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tata tertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran pentender/penyebutharga sebagai Kontraktor UiTM, sebagaimana difikirkan perlu oleh UiTM.
4. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang tidak dibenarkan boleh dibuat kepada Borang Tender/Sebutharga atau mana-mana Dokumen Tender/Sebutharga yang lain.
 5.
 - (a) Tender-tender/Sebutharga-sebutharga dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam Klausa 2 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Tender/Sebutharga bagi penyerahan tender/sebutharga.
 - (b) Jika sesuatu tender/sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, pentender/penyebutharga mestilah menguruskan bagi tender/sebutharganya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.
 - (c) Mana-mana tender/sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.
 - (d) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh pentender/penyebutharga bagi menyediakan tender/sebutharganya boleh dibayar kepadanya.
 6. Jika sekiranya atas permintaannya, seseorang pentender/penyebutharga diberikan salinan-salinan sesuatu Dokumen Tender/Sebutharga, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk meneliti salinan-salinan itu adalah sebenarnya salinan-salinan dokumen yang termasuk dalam Dokumen Meja Tender/Tender/Sebutharga. Jika sekiranya terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana-mana salinan yang diberi kepada pentender/penyebutharga dengan salinan dalam Dokumen Meja Tender/Sebutharga atau antara mana-mana dokumen yang termasuk di dalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk memohon secara bertulis kepada Pegawai Penguasa supaya dibetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Tender/Sebutharga bagi penyerahan tender/sebutharga. Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Pegawai Penguasa atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Adenda Tender/Sebutharga yang hendaklah dihantar kepada semua pentender. Adenda Tender/Sebutharga itulah hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender/Sebutharga dan Tender/Sebutharga yang diterima akan disifatkan sebagai berdasarkan

pada huraihan, ubahsuaian atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandunginya.

7. Pentender/penyebutharga hendaklah disifatkan telah memeriksa dan meneliti Tapakbina/Lokasi dan sekitarnya dan telah berpuashati sebelum menyerahkan tender/sebutharganya tentang jenis bumi dan lapisan tanah, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja-Kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke Tapakbina/Lokasi, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luarjangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjelaskan tender/sebutharganya.
8. UiTM tidak boleh terikat menyetujuterima tender/sebutharga yang rendah sekali dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu tender/sebutharga.
9. Semua jadual butir-butir yan dilampirkan kepada Dokumen Tender/Sebutharga hendaklah diisi dan diserahkan oleh pentender/penyebuharga beserta dengan tender/sebutharganya.
10. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada pentender/penyebuthara bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam tender/sebutharga itu dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis itu.
11. Perkataan-perkataan “pentender/penyebutharga yang berjaya” hendaklah bererti bahawa pentender/penyebutharga yang mana tender/sebutharganya telah diluluskan dan disetujuterima oleh UiTM.
12. Perkataan “pentender/penyebutharga” dalam Syarat-Syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.
13. Jika pentender/penyebutharga tidak mematuhi Syarat-Syarat tersebut di atas mengenai apa-apa jua hal maka tender/sebutharganya boleh ditolak.
14. Syarat-Syarat Membuat Tender/Sebutharga ini, setakat mana Syarat-Syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.